

## **BAB 4**

### **PROSES PENYUSUPAN MARITIM**

Proses penyusupan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melibatkan tiga peringkat. Peringkat pertama dikenali sebagai peringkat persediaan yang melibatkan latihan ketenteraan, pemerolehan pengangkutan dan material. Peringkat kedua merupakan penghantaran ketenteraan dan bekalan kelengkapan tentera dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan serta proses penerimaan bekalan material ini. Yang akhir sekali ialah peringkat pengagihan iaitu pengagihan tentera dan material ke destinasi-destinasi tertentu.

#### **Proses Penyusupan Peringkat Pertama**

Pada peringkat pertama, ahli-ahli Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan perlu menjalani latihan ketenteraan selama tiga bulan dalam bidang ketenteraan dan politik. Terdapat beberapa buah pusat latihan yang utama di Vietnam Utara. Salah satu pusat latihan yang utama adalah terletak di Xuan Mai yang berdekatan dengan Hanoi. Selain itu, terdapat pusat latihan penyusupan di wilayah Thanh Hoa yang membekalkan latihan dalam politik, propaganda dan hal-hal yang berkaitan dengan ketenteraan. Di samping itu pada peringkat ini, latihan kemahiran pelaut juga diberikan iaitu sekurang-kurangnya kemahiran asas penyamaran diri sebagai seorang nelayan sementara.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> US Department of State, *Aggression from the North*, 1965, hlm. 12.

Kemahiran pelaut adalah perlu dalam operasi penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui laluan maritim, semua anak kapal diberikan dokumen pengenalan diri palsu untuk disesuaikan dengan nama samaran mereka, permit nelayan, kad undi Vietnam Selatan, kad arahan tentera atau dokumen yang dikeluarkan oleh pihak militeri. Kapten kapal menerima sebuah buku pendaftaran kapal-kapal, senarai anak kapal dan beberapa kebenaran daripada pihak Vietnam Selatan untuk menjalankan kegiatan perniagaan.<sup>2</sup>

Setiap ejen Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan anak kapal diberikan dua atau tiga buah cerita yang telah direka lebih awal jika mereka ditangkap oleh pihak Vietnam Selatan. Setiap orang bukan sahaja perlu menghafal keperincian ceritanya sendiri, tetapi juga nama-nama dan beberapa data penting tentang orang lain. Ejen-ejen pula harus tahu benar prosedur asas tentang bot dan mereka juga telah diberikan latihan tentang menguruskan perniagaan ikan supaya mereka dapat menyamarkan diri sebagai seorang nelayan yang sah.<sup>3</sup> Kesemua ini bertujuan menguatkan penyamaran mereka. Selain itu, mereka juga diarah memusnahkan sebarang dokumen yang menunjukkan mereka berasal dari Vietnam Utara atau dokumen yang berkaitan dengan unit tentera Vietnam Utara yang disertai oleh mereka jika mereka ditangkap oleh pihak Vietnam Selatan.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, hlm. 12-13.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 13. Lihat juga CIA Weekly Report "The Situation in South Vietnam", 29 Julai 1964, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>4</sup> CIA, Special Report, "Viet Cong Infiltration Into Northern South Vietnam", 23 Oktober 1964, hlm. 4, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Walaupun akhirnya ditangkap, namun kejayaan Nguyen Viet Duong<sup>5</sup> tiba di Vietnam Selatan adalah satu bukti cara penyusupan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh pada peringkat pertama. Pada bulan Julai 1962, beliau telah mula menjalani latihan penyusupan ke Vietnam Selatan. Selepas menjalani latihan intensif dalam bidang penyiaran radio, membezakan pengkodan dan sebaliknya serta kemahiran-kemahiran lain dalam hal perisikan, beliau telah dibekalkan dokumen pengenalan diri palsu serta kelengkapan-kelengkapan lain untuk belayar dari Hanoi ke Dong Hoi pada bulan Ogos 1962 dan dari Dong Hoi, Kumpulan Penyusup Maritim membawa beliau ke Vietnam Selatan dengan bot mereka. Tugas utama beliau di sana ialah menuahkan satu sel ejen yang berfungsi mengumpul maklumat tentera untuk Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan.<sup>6</sup> Selain itu, penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh juga terbukti apabila kumpulan 759 menghantar kapal *Phung Dong 1* ke Semenanjung Ca Mau pada bulan September 1962.<sup>7</sup>

Sementara dalam kes Tran Van Tan<sup>8</sup> pula, beliau bersama tiga orang ejen Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang lain, kapten dan tiga orang anak kapal telah diarah menyusup masuk ke Vietnam Selatan dengan bot pada 4 April 1963. Mereka juga telah dibekalkan dengan dokumen pengenalan diri palsu serta beberapa kelengkapan yang lain untuk membawa enam kotak yang mengandungi penjana, beberapa buah radio,

<sup>5</sup> Nguyen Viet Duong yang berasal dari Vietnam Selatan telah berpindah ke Vietnam Utara selepas tamatnya perang dengan Perancis pada tahun 1954. Beliau telah bertugas di Central Research Agency (Vietnam Utara) pada tahun 1959. Lihat US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 12.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> William S. Turley, *The Second Indochina War*, hlm. 43.

<sup>8</sup> Tran Van Tan merupakan Kapten Kanan bagi Central Research Agency, Vietnam Utara. Lihat US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 12.

alat-alat senjata serta sejumlah besar mata wang Vietnam Selatan dengan bot ke Vietnam Selatan. Selain itu, mereka juga membawa bahan kimia dan material untuk membuat dokumen pengenalan palsu. Destinasi mereka ialah mendarat di pantai wilayah Phuoc Tuy.<sup>9</sup>

Namun demikian, misi Tran Van Tan tidak berjaya kerana pelayaran mereka dihalang oleh angin taufan kencang dan ombak besar sehingga bot mereka hampir tenggelam dan akhirnya terdampar di tepi pantai pada 7 April 1963. Untuk mengelakkan bot mereka tenggelam, kapten bot, Nguyen Xit telah mengarah mencampakkan enam kotak muatan ke dalam laut. Mereka yang terdiri daripada lapan orang ini telah membuat keputusan berpecah kepada pasangan dan cuba berhubung dengan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang lain. Sebelum mereka bertolak, mereka menanam dokumen-dokumen palsu mereka. Namun akhirnya, enam orang telah ditangkap oleh pihak berkuasa wilayah Thua Thien. Sementara dua orang yang lain telah ditangkap beberapa hari kemudian.<sup>10</sup>

Selain itu, persediaan untuk penyusupan melalui maritim juga melibatkan pembelian tongkang dari Vietnam Selatan seperti yang di Vietnam Utara. Pembelian tongkang layar dari Vietnam Selatan akan dibeli melalui Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan kemudian belayar ke kawasan utara Zon Bebas Tentera untuk menerima muatan tentera dan peralatan. Sebenarnya penempatan tongkang-tongkang Vietnam Selatan merupakan salah satu bahagian daripada rancangan penyamaran untuk

---

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 13.

mengelakkan daripada pengesanan tentera laut dan tentera udara Vietnam Selatan. Pada peringkat awal, kebanyakan daripada bot-bot Vietnam Selatan belayar ke Vinh yang terletak di utara Zon Bebas Tentera untuk menerima muatan mereka. Namun demikian, keadaan ini telah berubah apabila serangan udara dari Amerika Syarikat semakin hebat di kawasan yang terletak di antara garisan lintang 17°U dan 20°U, maka Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan terpaksa menukar destinasi mereka ke pelabuhan dan pangkalan laut yang terletak lebih jauh di sebelah utara Vietnam Utara untuk meneruskan kegiatan mereka.<sup>11</sup>

Dari tahun 1959 hingga 1964, golongan tentera yang disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh adalah terdiri daripada orang-orang Selatan yang telah berpindah ke Vietnam Utara selepas Perjanjian Geneva pada tahun 1954 dan mereka berkhidmat sebagai kader untuk Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan.<sup>12</sup> Mereka inilah merupakan golongan awal yang menyusup alat kelengkapan tentera ke Vietnam Selatan melalui jalan laut.<sup>13</sup> Menurut Setiausaha Amerika Syarikat, Rusk pada 28 Januari 1966, 80% tentera yang berkhidmat sebagai Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan adalah terdiri daripada rakyat Vietnam Selatan sendiri.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> Wong , "The Other Ho Chi Minh Trail", hlm. 138.

<sup>12</sup> Theodore Draper, *Abuse of Power*, New York : The Viking Press, 1967, hlm. 91 dan "Infiltration of Military and Technical Personnel from North to South Vietnam", 3 Disember 1964, hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>13</sup> Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, hlm. 34.

<sup>14</sup> Draper, *Abuse of Power*, hlm. 92.

Berdasarkan laporan-laporan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti kumpulan utama pegawai-pegawai Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan sejumlah besar tentera khas seperti juru komunikasi serta alat-alat senjata berat yang moden telah disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh. Penyusup-penyusup ini akan menggantikan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang sudah tua untuk meneruskan perperangan di Vietnam Selatan atau berfungsi sebagai ahli teras kepada unit-unit yang baru ditubuhkan.

Kumpulan dari Vietnam Selatan ini menyusup semula ke Vietnam Selatan pada peringkat awal adalah merupakan strategi ketenteraan dan politik bagi kerajaan Hanoi. Ini kerana secara politik, mereka ini dipercayai boleh memainkan peranan dengan baik dalam menjalankan operasi Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan disebabkan mereka inilah merupakan orang Selatan yang sebenar, yang berjuang untuk tanah air mereka dan seluruh operasi merupakan perang kebebasan yang dikendalikan oleh orang Vietnam Selatan sendiri.<sup>15</sup> Dari segi ketenteraan pula, penyusupan masuk bekas rakyat Vietnam Selatan ini boleh mengurangkan peluang pengesanan oleh tentera Vietnam Selatan berbanding dengan orang Vietnam Utara yang mempunyai perbezaan logat dalam pertuturan bahasa Vietnam mereka.

Namun demikian, keadaan ini telah berubah pada awal tahun 1964 apabila perperangan antara Vietnam Utara dan Vietnam Selatan bertambah sengit. Maka aktiviti

---

<sup>15</sup> Namun pendapat ini disangkal oleh Amerika Syarikat yang mengatakan bahawa tindakan tersebut merupakan penyerangan kerajaan Hanoi terhadap Vietnam Selatan. Lihat US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 1.

penyusupan ke Vietnam Selatan mula melibatkan orang Vietnam Utara kerana kekurangan sumber tenaga tentera yang berasal dari Selatan. Ini disebabkan oleh peningkatan jumlah kecederaan dan kematian Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam perang serta kebanyakan daripada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang berperang selama sepuluh tahun yang lalu telah mula kurang bersemangat dalam perang gerila yang kejam. Bilangan orang Vietnam Utara yang terlibat dalam aktiviti penyusupan ketenteraan telah mencapai satu tahap yang agak besar jumlahnya apabila dijangka kira-kira 75% daripada jumlah 4,400 orang Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang menyusup masuk ke Vietnam Selatan pada lapan bulan pertama tahun 1964 adalah terdiri daripada orang Vietnam Utara.<sup>16</sup> Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa aktiviti penyusupan sama ada melalui jalan darat atau jalan laut adalah dikuasai oleh orang Vietnam Utara sendiri.

### Proses Penyusupan Peringkat Kedua

Peringkat kedua ialah proses penyusupan yang sebenar. Proses penyusupan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh dijalankan secara agak terbuka ke Vietnam Selatan kerana banyak tongkang yang digunakan iaitu yang dibeli oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di selatan adalah berdaftar dengan Jabatan Tentera Maritim Vietnam Selatan.<sup>17</sup> Cara ini telah mengurangkan syak wasangka daripada pihak Vietnam Selatan terhadap aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Dalam operasi awal, kebanyakan muatan dibawa dengan tongkang-tongkang layar yang menyamar sebagai bot nelayan yang beraktif di sepanjang pantai Vietnam.

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 11.

<sup>17</sup> Duy Duc, "The Maritime Ho Chi Minh Trail", hlm. 19.

Untuk memastikan aktiviti penyusupan ketenteraan ke Selatan berjalan dengan lancar, maka Kumpulan Penyusup Maritim yang khas telah ditubuhkan di Vietnam Utara dengan pusat operasinya terletak di wilayah Ha Tinh dan Quang Binh.<sup>18</sup> Kumpulan Penyusup Maritim ini bertanggungjawab menghantar alat senjata dan kelengkapan tentera serta ejen-ejen tentera ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.<sup>19</sup>

Sekurang-kurangnya terdapat empat jalan yang digunakan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk menghantar alat kelengkapan tentera ke Vietnam Selatan iaitu dari :

- a) Vietnam Utara ke Quang Nam-Danang
- b) Vietnam Utara ke Quang Ngai
- c) Vietnam Utara ke Qui Nhon-Tui Hoa (wilayah Binh Thuan dan Binh Thuy)
- d) Vietnam Utara ke Delta Mekong.<sup>20</sup>

Dari destinasi-destinasi ini, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan akan mengagihkan alat kelengkapan tersebut ke destinasi-destinasi lain yang terletak di kawasan pedalaman.

Melalui aktiviti penyusupan ketenteraan, kerajaan Hanoi dapat membekalkan pemimpin, pakar-pakar tentera, tentera-tentera terlatih serta alat kelengkapan tentera yang lain seperti alat senjata dan alat komunikasi yang berat kepada Tentera Barisan

---

<sup>18</sup> US, Department of State, *Aggression from the North*, him. 12.

<sup>19</sup> *Ibid.*, him. 3.

<sup>20</sup> Wong, "The Other Ho Chi Minh Trail", him. 139.

Pembebasan Kebangsaan yang berjuang di Vietnam Selatan. Kumpulan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan inilah yang mengganti tentera-tentera yang cedera dan terkorban di medan perperangan, yang jatuh sakit serta Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang telah menderhaka. Yang paling penting ialah menjadi kumpulan utama kepada unit-unit tentera yang baru ditubuhkan untuk memastikan kawalan dari Hanoi adalah berterusan. Selain itu, pembekalan tentera dan kelengkapan tentera ini juga memainkan peranan yang penting kerana tindakan ini menunjukkan bahawa perjuangan mereka di Selatan sentiasa disokong oleh Hanoi dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan semangat Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk meneruskan perjuangan mereka.

Berdasarkan penyiasatan daripada tawanan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, operasi laluan maritim yang kompleks dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan telah diwujudkan pada tahun 1960.<sup>21</sup> Ini dapat dibuktikan dengan usaha penyusupan secara besar-besaran melalui laut telah bermula pada tahun 1960. Tongkang-tongkang yang dibeli oleh Vietnam Selatan telah digunakan dalam proses penyusupan. Penyusupan melalui maritim dapat dibuktikan apabila terdapat laporan kapal *Phuong Dong 1* telah dihantar ke Semenanjung Ca Mau pada bulan September 1962.<sup>22</sup>

<sup>21</sup> CIA, "North Vietnamese Violations of the Geneva Agreements on Vietnam", 24 Jun 1965, him. 11-12, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>22</sup> William S. Turley, *The Second Indochina War*, him. 43.

Walaupun Tentera Laut dan Tentera Marin Vietnam Selatan mengadakan kawalan di kawasan Zon Bebas Tentera, namun aktiviti penyusupan masih berterusan dan biasanya berjaya. Hakikat bahawa penyusup-penyusup yang terdiri daripada orang Vietnam Selatan merupakan faktor utama kejayaan penyusupan mereka walaupun pihak Tentera Laut dan Tentera Marin Vietnam Selatan telah menjalankan kawalan dan sekatan yang rapi di Zon Bebas Tentera. Tambahan pula, kejayaan mereka adalah disebabkan pandai menyamarkan diri serta melakukan pelbagai penyamaran pada kapal-kapal mereka.

Dalam aktiviti penyusupan ketenteraan, didapati bahawa kebanyakan tongkang layar dikendalikan oleh tentera Vietnam Utara sendiri. Misalnya pada bulan Disember 1963, seorang kapten yang ditangkap mengakui bahawa beliau telah membuat 15 kali penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan dengan membawa kader-kader dan alat kelengkapan tentera dalam tempoh tiga tahun iaitu sejak bulan Oktober 1961.<sup>23</sup> Seandainya pengakuan tersebut benar, maka operasi-operasi yang dijalankan olehnya boleh dikatakan satu kejayaan yang bermakna kerana setiap penyusupan yang berjaya boleh membekalkan lebih daripada 100 tan senjata, alat kelengkapan tentera dan makanan. Selain itu, terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa seramai 450 orang tentera telah menyusup masuk ke Vietnam Selatan pada bulan Mei 1963 berdasarkan keterangan yang diberikan oleh tawanan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang ditangkap.<sup>24</sup>

<sup>23</sup> CIA, "North Vietnamese Violations of the Geneva Agreement on Vietnam," 24 Jun 1965, hlm. 12-13, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 14.

Bukti lain yang menunjukkan penyusupan melalui jalan air ialah apabila tentera laut Vietnam Selatan berjaya menahan sebuah sampan bermotor Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Sungai Co Chien yang memisahkan wilayah Kien Hoa dan Vinh Binh pada tahun 1964. Sampan tersebut mengandungi muatan 100 butir peluru meriam 75mm, 10,500 butir peluru senapang kaliber serta dokumen-dokumen. Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan pada peluru meriam 75mm, didapati bahawa semuanya merupakan ubat bedil dari Amerika Syarikat yang digunakan untuk membungkus meriam katak. Semuanya berada dalam keadaan asal dan dibungkus dalam bekas kadbad, dua di dalam kotak kayu. Sementara tanda Amerika Syarikat yang asal tidak berubah dan terdapat nombor-nombor lot yang menunjukkan bahawa alat kelengkapan tentera itu dibuat pada tahun 1944, sementara kotak-kotak kayu itu dilabelkan dengan tanda nama Republik Rakyat China di luar kotak. Nombor-nombor lot menunjukkan bahawa alat kelengkapan ini masih belum dalam saluran bekalan tentera Vietnam Selatan.<sup>25</sup>

Menurut Pusat Ketumbukan Bantuan Tentera (Military Assistance Command, Vietnam / MACV) yang dikendalikan oleh Amerika Syarikat, perjumpaan peluru ini tidak memberi gambaran tentang bagaimana ia diperkenalkan ke dalam negeri. Namun adalah dipercayai bahawa peluru tersebut dibungkus untuk penghantaran secara besar-besaran, kemungkinan besar merupakan bekalan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang ditinggalkan di Zon Tentera Taktikal ke-IV di delta Mekong, Vietnam Selatan. Dipercayai juga peluru ini ditembak daripada meriam ringan kerana ia berada

---

<sup>25</sup> CIA, Weekly Report "The Situation in South Vietnam", 5 Ogos 1964, him. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

dalam keadaan yang sempurna daripada digunakan sebagai periuk api.<sup>26</sup> Ini merupakan perjumpaan pertama meriam katak 75mm milikan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan ini mungkin menerangkan bahawa pihak komunis bersedia menggunakan meriam ringan yang ada sekarang atau dijangka milikinya pada masa depan.

Selain itu, kewujudan alat senjata yang berat di kawasan Tentera ke-5 (Military Region 5 atau MR5), di wilayah Binh Dinh, Vietnam Selatan juga mungkin menunjukkan alat senjata itu diseludup masuk ke sana melalui jalan laut. Laporan CIA telah menyatakan bahawa :

“Viet Cong are attempting to secure a coastal area in MR5 to facilitate seaborn supply. The appearance of substantial numbers of heavy weapons and block-manufactured light weapons in Viet Cong had farther South in the delta is presumed to have been the result of seaborn infiltration”<sup>27</sup>

Penyusupan alat senjata melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh terbukti pada 16 Februari 1965 apabila sebuah helikopter Amerika Syarikat yang sedang meronda di sepanjang pantai Vietnam Selatan telah berjaya menenggelamkan sebuah kapal kargo yang menyamar dan berlabuh di pantai wilayah Phu Yen. Tindakan ini dilakukan atas kerjasama tentera udara Vietnam Selatan yang melancarkan serangan udara dan tentera darat. Didapati kapal kargo yang membawa kira-kira 100 tan muatan itu

---

<sup>26</sup> *Ibid.* hlm. 7-8.

<sup>27</sup> CIA, “Viet Cong Infiltration Into Northern South Vietnam”, 23 Oktober 1964, hlm.4, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

mengandungi sejumlah besar senjata api, alat kelengkapan tentera dan bekalan-bekalan lain. Berdasarkan dokumen-dokumen, surat tentera dan gambar-gambar yang dirampas dari kapal dan daripada beberapa orang Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah membuktikan bahawa kapal tersebut belayar dari Vietnam Utara. Malah senaskah surat khabar bertarikh 23 Januari 1965 diperoleh dari kabin adalah berasal dari Haiphong.<sup>28</sup> Semua ini menunjukkan bahawa kapal tersebut dimiliki Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan.

Daripada beribu-ribu alat senjata dan lebih daripada satu juta butir peluru yang dirampas, maka sekali lagi membuktikan bahawa negara-negara komunis memberi bantuan alat senjata kepada Vietnam Utara. Ini kerana hampir semua alat senjata dan peluru tersebut adalah berasal dari negara komunis terutamanya dari Republik Rakyat China dan Czechoslovakia.<sup>29</sup> Sekurang-kurang 100 tan alat kelengkapan tentera telah dirampas di kawasan yang berdekatan dengan kapal tersebut. Alat-alat senjata dan alat kelengkapan tentera yang dirampas dari kapal kargo yang berasal dari Hanoi termasuklah:

---

<sup>28</sup> US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 15-16 dan CIA Intelligence Memorandum Interdiction of Communist Infiltration Routes in Vietnam", 24 Jun 1965, hlm. 4, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980* dan CIA Weekly Report, "The Situation in South Vietnam", 24 Februari 1965, hlm.iii,7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>29</sup> US, Department of State , *Aggression from the North*, hlm. 16 dan CIA Weekly Report, "The Situation in South Vietnam", 24 Februari 1965, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

- Kira-kira 1 juta butir peluru senjata kecil
- Lebih daripada 1000 butir bom tangan
- 500 paun TNT
- 2000 butir peluru mortar 82 mm
- 500 butir bom pembinasa kereta kebal
- 500 butir peluru senapang “recoilles” 57mm
- lebih daripada 1000 butir peluru senapang “recoilles” 75mm
- 1 pucuk senapang “recoilles” 57mm
- 2 pucuk mesingan berat
- 2000 pucuk senapang “Mauser” 7.95
- lebih daripada 100 pucuk senapang “Karbin” 7.62
- 1000 submesingan
- 15 mesingan ringan
- 500 paun bekalan perubatan (yang ada label Vietnam Utara, Republik Rakyat China, Czechoslovakia, Jerman Timur, Soviet Union dan sumber-sumber yang lain)<sup>30</sup>

Perjumpaan kuantiti alat senjata yang banyak ini juga merupakan bukti yang tidak boleh dipertikaikan bahawa Vietnam Utara telah melibatkan diri secara langsung dalam perjuangan Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Didapati bahawa kebanyakannya alat senjata adalah diperbuat oleh Republik Rakyat China, namun senarai bungkusan menunjukkan barang-barang ini dihantar dari Vietnam Utara. Menurut laporan Pusat Ketumbukan Bantuan Tentera Amerika Syarikat (Commander, U.S. Military Assistance Command, Vietnam / COMUSMACV), penghantaran barang-barang tersebut adalah untuk kegunaan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di wilayah Phu Yen dan Khanh Hoa kerana terdapat penambahan tentera di kedua-dua kawasan ini.<sup>31</sup> Peristiwa ini menunjukkan bahawa penghantaran sebegini mungkin bertambah dan dipercayai kegiatan ini telah berlaku sepanjang masa.

---

<sup>30</sup> US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 17 dan CIA Weekly Report “The Situation in South Vietnam”, 24 Februari 1965, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>31</sup> CIA, Weekly Report, “The Situation in South Vietnam” 24 Februari 1965, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Sekali lagi, kejadian ini telah membuktikan bahawa tentera laut Vietnam Selatan tidak berkesan bertindak sebagai tentera penyekat untuk menghalang aktiviti penyusupan tersebut sehingga mewujudkan ruang yang besar di sepanjang persisiran pantai kepada pihak Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk menyusup ejen-ejen, kader, alat senjata dan alat kelengkapan tentera secara sulit ke Vietnam Selatan. Kejadian tersebut juga telah menunjukkan kemungkinan alat senjata dan alat kelengkapan tentera lain yang dibuat oleh negara komunis telah mula diperkenalkan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Apa yang lebih penting di sini ialah perjumpaan kuantiti sorokan senjata api yang banyak di wilayah Phu Yen memperjelaskan kepentingan penyusupan melalui laut kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Penambahan penghantaran senjata api, ejen Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan alat kelengkapan tentera melalui saluran utama ini adalah sesuatu yang pasti berlaku sehinggalah kawalan keselamatan di pantai telah diperketat oleh pihak Vietnam Selatan.

Sementara sebuah lagi bot yang tenggelam pada 27 Februari 1965 dikatakan mungkin mempunyai kaitan dengan kapal kargo yang tenggelam sehari sebelum ini.<sup>32</sup> Namun tidak ada penyusup dari kapal tersebut yang ditangkap. Berdasarkan beberapa kejadian rampasan alat senjata daripada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, ini membuktikan bahawa penyusupan melalui jalan laut memang boleh dijalankan kerana

---

<sup>32</sup> CIA, Intelligence Memorandum, "Interdiction of Communist Infiltration Routes in Vietnam", 24 Jun 1965 hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

sukar dikesan oleh pihak Vietnam Selatan. Bukti tambahan yang diterima oleh pihak CIA sekali lagi membuktikan kepentingan laluan maritim digunakan untuk menyusup alat senjata untuk kegunaan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Buktinya sebanyak 75 pucuk senapang "Mauser" yang ditutupi dengan bangkai jong telah dijumpai dari sebuah jong yang tenggelam di pantai wilayah Quang Tri pada 14 Mac 1965. Ini diikuti oleh satu lagi kejadian perjumpaan sebuah tempat sorokan alat senjata yang banyak dan tidak ditutupi di sekitar Cape Varella (Vung Tau) pada 16 Mac 1965.<sup>13</sup> Penyiasatan yang berlaku atas barang rampasan ini telah menunjukkan bahawa alat-alat senjata ini dibawa masuk melalui jalan laut.

### **Proses Penyusupan Peringkat Ketiga**

Peringkat ketiga dalam proses penyusupan ialah proses penerimaan dan pengagihan. Operasi ini menandakan tamatnya operasi penyusupan melalui maritim. Terdapat tiga komponen dalam peringkat ini iaitu penerimaan, penyimpanan dan pengagihan. Kebanyakan tempat penerimaan muatan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam operasi penyusupan merupakan kawasan bakau dan bergunung-ganang yang biasanya terletak jauh dari pelabuhan-pelabuhan bandar, pejabat-pejabat kerajaan Vietnam Selatan, tetapi berdekatan dengan sistem jalan air pedalaman yang banyak untuk memudahkan pengagihan alat senjata dan alat kelengkapan tentera yang diterima. Tempat-tempat penerimaan terletak di kawasan pedalaman adalah sangat penting agar tidak mudah dikesan oleh pihak tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat. Bot-bot Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang akan menerima alat

---

<sup>13</sup> CIA, Weekly Report, "The Situation in South Vietnam", 2 April 1965, him. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

senjata akan menunggu di tempat dan masa yang telah ditetapkan. Sebaik sahaja muatan itu telah dipunggah, maka bot-bot tersebut akan terus belayar ke tempat-tempat yang berhampiran dengan tempat menyimpan alat senjata.

Selepas bot-bot itu sampai di kawasan yang berhampiran dengan tempat penyimpanan alat-alat senjata, maka barang-barang yang telah dipunggah itu kemudian dihantar ke tempat sembunyi untuk disimpan. Biasanya tempat-tempat penyimpanan alat senjata adalah berhampiran dengan tempat pemunggahan. Selepas itu Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan akan menunggu arahan sebelum mengagih alat-alat senjata tersebut ke destinasi-destinasi akhir, ini bertujuan mengelakkan sebarang syak wasangka daripada pihak-pihak berkuasa tempatan.<sup>34</sup>

Bekalan senjata boleh diagihkan di Vietnam Selatan melalui beberapa cara seperti laluan darat, sungai, terusan dan laut. Misalnya tentera Vietnam Selatan telah menjumpai sorokan peluru yang beratnya kira-kira 1.5 tan yang memerlukan lebih daripada 150 orang pengangkut untuk membawa kuantiti peluru ini melalui jalan darat. Pihak Vietnam Utara juga tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk menghantar barang-barang tersebut dengan beberapa buah sampan. Ini kerana delta Sungai Mekong di mana banyak bahan sorokan yang dirampas memiliki kawasan pantai sepanjang 460 batu yang boleh dilayar oleh kapal-kapal besar dan terusan sepanjang 2,200 batu yang boleh dilayari oleh sampan dengan mudah.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Duy Duc, "The Maritime Ho Chi Minh Trail", hlm. 19.

<sup>35</sup> US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 19-20.

Selain itu, sungai-sungai yang banyak terdapat di Vietnam Selatan telah membolehkan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan mengagihkan muatan ketenteraan ke kawasan pedalaman dengan bot-bot yang kecil agar tidak mudah dikesan oleh tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat. Strategi ini telah digunakan sejak penentangan Vietnam terhadap pemerintah China pada tahun 111 S.M.<sup>36</sup> Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah menggunakan kemudahan sungai yang sedia ada ini untuk menghantar bekalan ketenteraan ke destinasi tertentu. Misalnya Sungai Saigon dan Sungai Vam Co Dong merupakan saluran penyusupan ketenteraan yang sangat baik.<sup>37</sup>

Di samping itu, sungai-sungai seperti Sungai Se San yang terletak di wilayah Kontum yang mengalir ke Sungai Mekong, Sungai Se Re Pec yang terletak di wilayah Pleiku dan Sungai Ba yang bermula dari bahagian timur wilayah Pleiku dan merentangi wilayah Phu Bon telah membolehkan satu jaringan penghantaran ketenteraan yang sempurna dibentuk di Vietnam Selatan.<sup>38</sup> Laluan-laluan inilah yang telah digunakan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk mengagihkan bekalan tentera ke kawasan pedalaman dengan menggunakan bot-bot yang kecil.

Wilayah Kien Hoa dan sempadan wilayah Vinh Binh yang terletak di Vietnam Selatan merupakan kubu kuat penyusupan ketenteraan melalui jalan laut. Dari kawasan penerimaan muatan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan ini, alat senjata dan

<sup>36</sup> Untuk keterangan lebih lanjut, sila baca Phan Huy Le (ed.), "Our Military Traditions", dalam *Vietnamese Studies*, No. 55, 1981.

<sup>37</sup> Nguyen Khac Vien (ed.), "Face to Face With US Armed Forces (II)", dalam *Vietnamese Studies*, No. 57, 1983, hlm. 15.

<sup>38</sup> Hong Minh Thao, *The Victorious Tay Nguyen Campaign*, Hanoi : Foreign Language Publishing House, 1979, hlm. 13.

material lain biasanya akan dihantar ke kawasan pedalaman pada waktu malam dengan menggunakan cawangan-cawangan Sungai Mekong<sup>39</sup> agar tidak mudah dikesan oleh tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan. Tindakan ini jelas menunjukkan kebijaksaan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam perancangan strategi penyusupan ketenteran dan meningkatkan keberkesanan Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Alat senjata Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan biasanya disimpan di tempat sembunyi yang rahsia dan sukar diketahui tetapi adalah berdekatan dengan tempat kapal yang dirampas atau ditenggelamkan oleh tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat. Ini dapat dibuktikan dalam kejadian sebuah kapal komunis yang tenggelam di Cape Varella yang terletak di wilayah Phu Yen pada 17 Februari 1965. Pihak tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat telah menjumpai sejumlah 918 pucuk senapang, 48 pucuk submesingan Czechoslovakia dan 50 pucuk senapang automatik telah dijumpai di beberapa buah gua yang berhampiran dengan tempat kapal tenggelam. Selain itu, banyak juga alat senjata telah dijumpai di kapal yang tenggelam.<sup>40</sup>

Kejadian yang sama juga berlaku pada 16 Mac 1965, apabila sebanyak 650 alat senjata telah dirampas di sebuah tempat penyimpanan alat senjata di sekitar Cape Varella. Manakala pada 29 April 1965, sekurang-kurangnya 360 alat senjata kecil dan sejumlah

<sup>39</sup> CIA, Intelligence Memorandum, "The Situation in Vietnam as of 0600 EST", 28 Februari 1965, hlm. 4, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>40</sup> Alat senjata yang dijumpai di kapal tersebut ialah satu mesingan 12.7mm buatan Soviet Union, sepucuk senapang "recoilles" 57mm dan antara 2000-3000 alat senjata buatan Republik Rakyat China. Lihat CIA, Weekly Report, "The Situation in South Vietnam" 22 Februari 1965, hlm. 2-3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

besar peluru artileri 70mm buatan Republik Rakyat China telah dirampas di tempat-tempat sembunyi alat senjata yang terletak di Kien Hoa.<sup>41</sup>

Perjumpaan alat senjata dan alat kelengkapan dalam kuantiti yang banyak dari kapal tersebut telah membuktikan penaksiran pegawai Amerika Syarikat adalah tepat sekali setelah banyak alat senjata dan kelengkapan tentera telah dirampas oleh pihak Vietnam Selatan pada 16 Februari 1965 dari sebuah kapal yang ditenggelamkan di wilayah Phu Yen. Menurut penaksiran tersebut:

“While this discovery indicates increase, it is believed that they have been occurring all along. The South Vietnamese Navy is ineffective as a blockade force and have allowed wide gaps in coastline for the clandestine infiltration of enemy agents, cadre, weapon, and supplier. It now seems probable that supplies and a considerable portion of Communist Manufactured Weapon are being introduce into South Vietnam via the sea route”.<sup>42</sup>

Serangan udara dari Amerika Syarikat di Vietnam Utara sejak tahun 1965 hingga 1968 untuk memusnahkan laluan penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan terutamanya jalan darat dan landasan kereta api telah menjadi faktor utama mendorong Vietnam Utara banyak menyusup alat senjata ke Vietnam Selatan dengan jalan laut. Ini dapat dibuktikan dengan banyak laporan tentang kapal telah dimusnahkan pada tempoh tersebut.<sup>43</sup> Material tetap dibekalkan kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di

<sup>41</sup> CIA, “Interdiction of Communist Infiltration Routes in Vietnam”, 24 Jun 1965, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>42</sup> CIA, Weekly Report, “The Situation in South Vietnam”, 24 Februari 1965, him. 7-8, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>43</sup> CIA, Intelligence Memorandum, “An Appraisal of the Bombing of North Vietnam , Through 14 May”, 21 Mei 1966, hlm. 1, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Vietnam Selatan walaupun serangan udara dilakukan terhadap Vietnam Utara. Menurut

laporan CIA pada 9 Januari 1967 :

“The bombing of infiltration routes has not resulted in shortages of material for the forces in South Vietnam or significantly reduced Hanoi’s ability to maintain logistic support of these force”.<sup>44</sup>

Aktiviti penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui jalan laut masih diteruskan. Ini dapat dibuktikan apabila tentera Vietnam Selatan berjaya mengesan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang cuba menyusup masuk 100 tan kapasiti muatan ke Vietnam Selatan dengan menggunakan “*Steel-hulled craft*” pada bulan Julai 1967.<sup>45</sup>

Namun demikian, satu fakta yang tidak dapat dinafikan akibat daripada rondaan laut dan udara yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ialah pengurangan kadar penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Menurut laporan CIA pada tahun 1967 :

“Infiltration of supplies into South Vietnam by the use of small ocean going ships and junks has been reduced as a result of US sea and air patrols”.<sup>46</sup>

Aktiviti penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh meningkat semula pada pertengahan tahun 1967. Ini dapat dibuktikan apabila semakin banyak alat

---

<sup>44</sup> CIA, Memorandum for the Director, “The War in Vietnam”, 9 Januari 1967, hlm. 20, US, Secretary of Defence, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia: Special Studies, 1960-1980*.

<sup>45</sup> CIA, Intelligence Memorandum, “A Review of the Situation in Vietnam”, 1967, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia: Special Studies 1960-1980*.

<sup>46</sup> CIA, Intelligence Memorandum, “A Review of the Situation in Vietnam”, 8 Disember 1967, hlm. V-2, US, Secretary of Defence, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia: Special Studies, 1960-1980*.

kelengkapan tentera dirampas oleh tentera Vietnam Selatan pada tahun 1967. Oleh yang demikian, pihak penganalisis pertahanan Amerika Syarikat menganalisis peningkatan penyusupan ketenteraan ini merupakan usaha Vietnam Utara untuk mengganti kehilangan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang banyak dalam medan pererangan.<sup>47</sup>

Selain itu, pada tahun 1967, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan memerlukan 215 tan logistik setiap hari, 35 tan daripadanya adalah makanan.<sup>48</sup> Malah peningkatan penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh harus dilihat sebagai persediaan untuk melancarkan Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru (Tet) pada tahun 1968. Pada 31 Januari 1968, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan tentera Vietnam Utara menyerang dan menawan beberapa ibu kota wilayah di Vietnam Selatan.<sup>49</sup> Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru ini dianggap sebagai kemenangan tentera Amerika Syarikat kerana banyak Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah hilang dan akhirnya Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat berjaya merampas balik kebanyakan bandar. Namun demikian, ia juga merupakan kekalahan psikologi kepada Amerika Syarikat.<sup>50</sup>

Tahap penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh boleh dikatakan telah mencapai tahap kemuncak pada tahun 1968. Ini kerana jumlah tenaga tentera yang banyak perlu dihantar ke Vietnam Selatan untuk mengganti Tentera Barisan

<sup>47</sup> CIA, Intelligence Information Cable, "Summary of Viet Cong Activities in I Corps during July 1967", 19 Ogos 1967, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Gilbert Damian Loescher, *National Liberation War in South Vietnam : The Perceptions and Policies of China and North Vietnam, 1954-1969*, London : University of London, 1975, hlm. 188.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 190.

Pembebasan Kebangsaan yang telah cedera dan terkorban dalam medan peperangan. Tambahan pula, Perang Vietnam boleh dianggap telah mencapai tahap kemuncak memandangkan jumlah tentera Amerika Syarikat yang berada di Vietnam adalah seramai 536,000 orang iaitu paling banyak antara tahun 1960-1972.<sup>51</sup> Oleh yang demikian, Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang banyak juga diperlukan untuk menentang pihak musuh.

Selepas tahun 1968, kadar penyusupan ketenteraan melalui jalan laut telah mula merosot apabila Dasar Vietnamisasi<sup>52</sup> diperkenalkan oleh Presiden Nixon pada tahun 1969. Melalui program tersebut, pengaruh Amerika Syarikat di Vietnam Selatan telah mula berkurang. Namun demikian, aktiviti penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh tetap dijalankan sehingga pada tahun 1975 iaitu apabila Vietnam Utara berjaya menguasai Vietnam Selatan.

Kejayaan Vietnam Utara dalam aktiviti penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh dapat dibuktikan apabila sejumlah 152,870 tan alat senjata dan bekalan tentera yang lain serta 80,000 ejen politik dan kader telah disusup masuk ke Vietnam Selatan dari tahun 1961 hingga 1975.<sup>53</sup> Kejayaan ini telah menggambarkan kebijaksanaan pemimpin Vietnam Utara dalam mengatur dan menyusun strategi penyusupan ketenteraan melalui jalan laut.

<sup>51</sup> Mary Beth Norton, et al., *A People and a Nation – A History of the United States*, edisi keempat, Boston : Houghton Mifflin Company, 1994, hlm. 966.

<sup>52</sup> Dasar Vietnamisasi bermaksud memberikan tugas-tugas peperangan kepada orang Vietnam dan dasar ini membolehkan pengunduran tentera Amerika Syarikat dari Vietnam Selatan secara berperingkat-peringkat. Lihat Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 404.

<sup>53</sup> Duy Duc, "The Maritime Ho Chi Minh Trail", hlm. 19.

## **Kesimpulan**

Sejak aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh dijalankan oleh Vietnam Utara pada tahun 1959, kadar penyusupannya telah semakin meningkat setiap tahun sehingga mencapai tahap kemuncaknya pada tahun 1968 iaitu semasa Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru. Kejayaan demi kejayaan yang diperoleh oleh kerajaan Hanoi dalam aktiviti penyusupan ketenteraan melalui jalan laut akhirnya telah menyebabkan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan mengambil pelbagai langkah untuk menyekat aktiviti tersebut.